

Tolong jaga kebersihan taman perumahan

SAUDARA PENGARANG,

SEJAK 1 Mac 2019, pembeli kediaman di Taman Dataran Kinding SSI, Tanjung Rambutan menerima kunci rumah daripada Pengarah Kemajuan Zamin Sdn. Bhd., vendor rumah mampu milik inisiatif Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI). Projek ini memberi manfaat kepada penjawat awam negeri Perak untuk memiliki rumah sendiri berharga serendah RM65,000. Harga paling rendah pernah ditawarkan di negeri Perak dan di peringkat nasional. Pembinaan taman ini memberi manfaat kepada 169 keluarga dengan anggaran 1,000 orang penduduk. Pada masa ini, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) melalui vendornya belum lagi melakukan kerja-kerja pembersihan dan pemotongan rumput secara berkala.

Melalui ruangan ini, saya selaku wakil penduduk taman ini merayu MBI agar mengambil tindakan segera melantik kontraktor perkhidmatan memotong rumput serta pembersihan longkang bagi mengelak air bertakung yang boleh menyebabkan pembiakan vektor pembawa penyakit seperti lalat, nyamuk, tikus dan sebagainya. Pada masa sama terdapat juga anjing

liar berkeliaran memungkah sampah dan sisa makanan domestik yang digantung di pagar rumah sementara menunggu lori pengangkut sampah.

Atas dasar menyahut seruan kerajaan, saya mohon MBI menyediakan tong sampah kitar semula untuk penduduk mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori. Keadaan ini akan dapat mendidik warga taman tentang kepentingan mengitar semula bahan-bahan berkenaan dan kaedah melupuskan sisa pepejal secara teratur. Penduduk perlu didedahkan berkaitan undang-undang kecil bangunan seragam. Mereka didapati tidak meminta kelulusan pelan kepada MBI sebelum membuat ubah suai rumah.

Terdapat pembeli melakukan ubah suai termasuk mengubah ruang dapur ke bilik ketiga dan membina sinki untuk melepaskan air kumbahan ke longkang belakang. Keadaan ini menyebabkan longkang menjadi tepu dan menakung air selanjutnya mengeluarkan bau busuk daripada sisa makanan yang terperap lama. Air kumbahan perlu dirawat sebelum dilepaskan ke longkang belakang. Pemilik

"Perhatian daripada agensi berkaitan amat dihargai memandangkan warga taman terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana."

rumah perlu membeli mesin pemangkin sekiranya mahu melepaskan air kumbahan ke longkang. Longkang belakang hanya untuk tujuan mengalirkan air hujan, bukan air kumbahan.

Perhatian daripada agensi berkaitan amat dihargai memandangkan warga taman terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana (B40). Mereka memerlukan pembelaan melalui khidmat runding cara pihak berkuasa terhadap tata kelola kehidupan di tempat baharu.

TOH TAN DEWASAKTI
Hulu Kinta, Perak